

Didik anak urus wang sejak kecil

Ramai ibu bapa beranggapan dunia kanak-kanak tidak perlu didedahkan dengan pengetahuan berkaitan kewangan kerana mereka masih kecil dan belum cukup dewasa untuk memahami nilai wang.

Bagi mereka, apa yang penting ketika proses tumbesaran minda anak ketika itu adalah menerokai sebaiknya segala perihal berkaitan pembelajaran asasi seperti mengajar mengenal huruf, mewarna dan mengeja.

Justeru, pelbagai bahan bacaan dan medium interaktif berkaitan dengannya yang dilihat bersesuaian membantu perkembangan positif anak mereka dicari dan dibeli untuk dijadikan rujukan. Malahan, ibu bapa juga melengkapkan diri mereka dengan bermacam-macam kemahiran mendidik supaya dapat membentuk anak yang cintakan ilmu pengetahuan sekali gus cemerlang akademik.

Bagi mereka, yang penting adalah berjaya dalam pelajaran kerana itu lebih menjamin masa depan anak.

Adakah benar kanak-kanak tidak sesuai diajar mengenai 'literasi kewangan?' Paling menyedihkan apabila terdapat tanggapan bahawa 'literasi kewangan' kepada anak cukup sekadar membuka akaun simpanan saja.

Mereka percaya langkah itu berupaya menyemai dan mendidik anak mengenai penguasaan kewangan.

"Tanggapan anak tidak matang jadi tidak perlu didedahkan pengetahuan kewangan adalah salah sama sekali. Mereka perlu dididik sejak awal kerana akan membantu membuat keputusan tepat.

"Pendedahan kewangan tidak hanya membuka akaun simpanan, tetapi mendidik mereka sebaiknya termasuklah mendisiplinkan budaya menyimpan," kata Dr Mohamad Fazli Sabri yang juga Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau berkata, sewajarnya ibu bapa mula memberi penekanan kepada perkara berkenaan.

Pelbagai kajian dalam mahupun luar negara mengesahkan kepentingan pendidikan awal pengetahuan kewangan sebaiknya bermula di peringkat kanak-kanak. Amerika Syarikat dan United Kingdom sudah lama menerapkan pengajaran

subjek berkenaan di sekolah kerana mempercayai ia mempunyai impak positif menggalakkan tingkah laku kewangan sihat masa hadapan.

"Ada sesetengah yang melepaskan tanggungjawab kerana berasakan pengurusan perbelanjaan akan dipelajari apabila anak meningkat dewasa. Itu betul, tidak dinafikan.

"Tetapi, mereka juga perlu diajar sejak kecil mengenai penggunaan wang dengan sebaiknya, perbelanjaan dan simpanan yang mampu membentuk asas kemahiran kewangan apabila meningkat dewasa," jelasnya.

Hal ini wajar diberi keutamaan khususnya apabila melihat budaya berhutang yang kian berleluasa sehingga merebak dalam kalangan murid.

Semakin membimbangkan, apabila terdapat trend peningkatan golongan muda diisytiharkan muflis.

Data Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) menunjukkan 23,397 individu yang diisytiharkan muflis sepanjang tahun 2007 sehingga September 2013 dalam lingkungan umur 25 hingga 34 tahun.

Antara faktor utama dikenal pasti ialah kurang tahap pengetahuan pengurusan kewangan menjadi satu daripada punca menghadapi masalah kewangan dan terjebak hutang. Contohnya, kebanyakan generasi muda mula berhutang apabila mereka di institusi pengajian tinggi mahupun pada awal pekerjaan. Disebabkan kurangnya pengetahuan kewangan, ada antaranya tersalah percaturan perbelanjaan.

Lanjutan daripada itu, akhirnya menarik minat Mohamad Fazli tampil dengan beberapa produk membantu meningkatkan pemahaman kewangan dan pola perbelanjaan sihat.

Selain menyasarkan kanak-kanak, ia juga bersifat serampang dua mata apabila meningkatkan literasi kewangan ibu bapa dan guru.

Dikenali sebagai "Kit Bijak Wang: Anak Bijak Cerdit Duit", ia adalah cetusan inovasi antara beliau dengan kerjasama guru di Makmal Perkembangan Kanak-kanak UPM, Pusat Perkembangan Kanak-kanak, Remaja dan Keluarga (Face), Fakulti Ekologi Manusia, UPM, Nurhayatul Nira Ramli.

Berbentuk permainan interaktif ala 'monopoly', ia dilengkapi dengan 16 bahan pengajaran interaktif yang disusun mengikut kesesuaian kanak-kanak berusia enam hingga 12 tahun. - BERNAMA